



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

**LAWATAN MENGEJUT YB MENTERI SUMBER MANUSIA
KE PENGINAPAN HARAM**

1. YB V.Sivakumar, Menteri Sumber Manusia hari ini telah mengadakan lawatan mengejut ke sebuah lot kedai yang dijadikan asrama bagi seramai 226 pekerja asing warga Bangladesh dan Nepal di Nilai Negeri Sembilan. Turut hadir adalah Exco Kerajaan Negeri, Tuan Chew Seh Yong yang juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Bertindak Sumber Manusia, Perladangan dan Hal Ehwal Bukan Islam Negeri Sembilan, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia (KSM) serta Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).
2. Lawatan YB Menteri ini dilakukan selepas KSM menerima aduan daripada Kedutaan Bangladesh yang menyatakan bahawa sejumlah warga mereka yang dibawa masuk secara sah ditempatkan di penginapan yang tidak kondusif. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa ada antara pekerja terbabit masih belum diberikan pekerjaan dan sebahagian lagi bekerja di sektor berbeza dengan sektor yang dijanjikan. Para pekerja ini dibawa masuk untuk bekerja dalam subsektor pencucian dan pembersihan serta sektor pembuatan.
3. Para pekerja ini merupakan sebahagian daripada jumlah pekerja di bawah 4 syarikat yang mana jumlah kuota pengambilan pekerja asing diluluskan ke atas mereka adalah seramai 1,719 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 608 pekerja telah dibawa masuk untuk subsector pencucian dan pembersihan manakala 390 pekerja lagi untuk pembuatan. Manakala seramai 327 pekerja daripada jumlah yang dibawa masuk didapati masih tidak ada sebarang pekerjaan. Bakinya pula didapati bekerja di sektor yang tidak dibenarkan.

4. KSM telah bertindak memindahkan kesemua 226 pekerja yang menduduki penginapan tanpa perakuan tersebut ke Penginapan Berpusat Pekerja (CLQ) yang telah mendapat Perakuan Penginapan di sekitar Bandar Baru Nilai. Proses pemindahan yang dilakukan sejurus selepas lawatan YB Menteri ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Sembilan. Selain itu, pihak KSM juga akan membantu dalam proses penukaran majikan terhadap 327 orang pekerja yang masih tiada pekerjaan sebagai langkah proaktif mengelakkan mereka menjadi mangsa penipuan pekerjaan atau pemerdagangan orang yang membawa kepada indikator buruh paksa.
5. Sebanyak 4 atau lebih Kertas Siasatan dijangka akan dibuka di bawah Seksyen 24D Akta 446 ke atas syarikat-syarikat yang terbabit. Jika sabit kesalahan mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 setiap satu kesalahan atau boleh dipenjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
6. KSM mahupun JTKSM akan terus melaksanakan operasi dan penguatkuasaan dalam industri perburuhan negara selaras perundungan di bawah bidang kuasa yang diperuntukkan. Penguatkuasaan ini amat penting dan perlu bagi memastikan para majikan tidak kira dalam apa juga sektor akan terus mematuhi akta-akta yang kita kuatkuasakan tanpa sebarang kompromi. Lebih-lebih lagi isu yang melibatkan pemerdagangan orang dan juga buruh paksa.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA**
10 APRIL 2023